

08/07/1999

Panel MSC rancang strategi

Mohd Azlan Jaafar; Hizral Tazzif Hisham

KUALA LUMPUR, Rabu - Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) akan mengadakan mesyuarat ketiganya esok, untuk merancang strategi seterusnya bagi pembangunan projek multimedia ulung negara itu.

Persidangan dua hari dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di bandar bestari Cyberjaya itu, antara lain akan menggariskan pelan bagi melonjak Malaysia ke era ekonomi maklumat menjelang alaf baru.

Antara ahli panel yang dijangka hadir pada perjumpaan tahunan itu ialah Pengerusi Hewlett-Packard Co, Datuk Lewis Platt; Pengerusi Acer Inc, Datuk Dr Stan Shih; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Alcatel CIT, Manuel Gordillo dan Pengerusi Sillion Graphics, Bob Bishop.

Ahli panel lain termasuk Ketua Pegawai Eksekutif British Telecom, Peter Bonfield; Presiden Nippon Telegraph and Telephone Corp (NTT), Jun-Ichiro Miyazu; Pengarah Cutler and Co, Dr Terry Cutler dan Pengerusi LG Chemicals & Electornics, Boo Moo Khoo.

Turut serta dalam IAP kali ini ialah Ketua Operasi Lucent Technologies, Ben Verwaayen; Pengerusi Fujitsu Ltd, Tadashi Sekizawa dan Ketua Pegawai Eksekutif Madge Networks Ltd, Robert Madge.

Selain ahli IAP, syarikat gergasi teknologi dunia seperti NEC Corp, Intel Corp, Microsoft Corp, Motorola Inc, Nokia Telecommunications dan Siemens AG turut menghantar wakil mereka.

Panel MSC, badan penasihat yang dianggotai 43 tokoh terkenal dalam industri teknologi maklumat dan multimedia, bertemu setiap tahun bagi menentukan hala tuju dan wawasan seterusnya projek MSC.

Dua puluh lima syarikat dan organisasi mengesahkan kehadiran dalam mesyuarat IAP kali ini. Mesyuarat pertama panel itu berlangsung di Universiti Stanford, California, Amerika pada 16 Januari 1997, manakala tahun lalu pertemuan diadakan di Cyberjaya.

Pertemuan tahun ini akan tertumpu kepada penilaian semula pencapaian semasa MSC serta mengkaji apa yang perlu dilakukan bagi mempercepatkan proses pembangunan hub multimedia itu.

Selain mesyuarat utama dengan Dr Mahathir, perjumpaan dua hari itu akan turut merangkumi sesi dialog, perjumpaan peribadi, seminar, perbincangan meja bulat dan lawatan sekitar Cyberjaya yang akan menjadi tapak ujian dan pembangunan aplikasi multimedia.

Ahli IAP dijangka akan diberi taklimat mengenai perkembangan semasa dan usaha Malaysia dalam membangunkan industri multimediana, termasuk undang-undang siber, perkembangan projek aplikasi perdana, perlindungan harta intelek dan perdagangan elektronik.

Bandar Cyberjaya yang akan menjadi nadi kegiatan multimedia negara itu juga akan dilancarkan secara rasmi esok.

Terletak 50 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur, bandar bestari ini menyediakan kelengkapan dan kemudahan terancang dari segi infrastruktur telekomunikasi.

Projek MSC, idea yang dicetuskan Perdana Menteri sendiri dilancarkan 1996. Kawasan seluas 750 kilometer persegi yang ditetapkan sebagai tapak pembangunan aplikasi multimedia.